



Kerangka Maqasid Al-Syariah: Peranan Pegawai Penguatkuasa Agama Dalam Menguatkuasakan Kesalahan Berkaitan Tatasusila

**Kesalahan
Berkaitan
Tatasusila**

84

Maqasid Syariah Framework: The Role of Religious Officer to Enforce the Moral Offences

MOHAMAD HAFIFI HASSIM

NAWAL BINTI SHOLEHUDDIN (Corresponding Author)

Jabatan Undang-undang

Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),

Bangi, Selangor

hafifi@kuis.edu.my, nawal@kuis.edu.my

Submitted: 5 March 2019

Revised: 23 April 2019

Accepted: 24 April 2019

E-Published: 25 April 2019

ABSTRAK

Islam memandang tinggi kemuliaan agama, nyawa, keturunan akal dan harta. Maka, tuntutan dalam menjaga keturunan amat dititik beratkan dalam disiplin ilmu *Maqasid al-Syariah*. Maka, di atas dasar menjaga keturunan ini, berteraskan prinsip *sadd al-zara'i*, kesalahan mengenai kesusilaan dikanunkan dan dinyatakan dengan jelas di dalam enakman jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia misalnya khalwat, persetubuhan luar nikah, perbuatan tidak sopan di tempat awam dan banyak lagi. Dalam menguatkuasakan peruntukan-peruntukan yang berkaitan, pegawai penguatkuasa agama merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam aspek tangkapan, siasatan dan mengheret tertuduh ke mahkamah. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana peruntukan sedia ada berkaitan tatasusila dan peranan pegawai penguatkuasa agama dalam menguatkuasakan kesalahan tersebut memenuhi prinsip *Maqasid al-Syariah*. Metodologi yang digunakan adalah kajian kualitatif dengan menggunakan instrumen keperpustakaan dan kaedah temubual separa berstruktur dengan pegawai-pegawai penguatkuasa agama untuk mendapatkan data dan maklumat yang berkaitan. Kajian ini juga menggunakan analisis secara deduktif. Artikel ini merumuskan bahawa peruntukan berkaitan tatasusila dalam enakmen jenayah Syariah sedia ada dan penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah adalah selari dengan *Maqasid al-Syariah*.

Kata Kunci: Tatasusila, Jenayah Syariah, Penguatkuasaan, *Maqasid Al-Syariah*, Moral





ABSTRACT

Islam perceives the sanctity of religion, life, intellect, lineage and property. Hence, the requirements to protect the lineage are emphasised in *Maqasid al-Syariah* (Objectives of the Syariah) discipline. Accordingly, based on the principle of *sadd al-zara'i*, the offences relating to decency such as khalwat, sexual intercourse out of wedlock and indecent acts in public place are clearly stated in the Syariah criminal offences enactments for various states in Malaysia. In enforcing the relevant provisions, the religious enforcement officer is responsible for the arrest, investigation and bringing the accused before the court. The study aims to identify the extent of the related provisions and the roles of religious enforcement officers in enforcing such offenses to achieve the objectives of the Syariah. This study employs a qualitative research methodology which encompasses library research and semi-structured interviews with religious enforcement officers to obtain relevant data and information. This study also employs deductive analysis. This paper concludes that the existing relevant provisions and the enforcement of Syariah criminal law are in line with the objectives of the Syariah.

Keywords: Decency, Syariah Criminal, Enforcement, *Maqasid Al-Syariah*, Moral

PENGENALAN

Islam adalah cara hidup yang sempurna dan komprehensif yang mana Allah S.W.T. telah menurunkan syariatnya yang wajib dipatuhi bagi membimbing manusia dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai khalifah di muka bumi ini. Terdapat tujuan atau objektif tertentu di sebalik setiap pensyariatan yang telah diturunkan. Tujuan atau objektif inilah disebut sebagai *maqasid*. Segala pensyariatan yang diturunkan melalui perutusan Nabi Muhammad S.A.W. adalah rahmat untuk seluruh alam yang memberi keselamatan kepada manusia di dunia dan di akhirat dengan menyeru kepada segala bentuk suruhan dan kebaikan serta menjauhi larangan dan keburukan sepertimana jelas berdasarkan ayat 107, Surah al-Anbiya' yang bermaksud :

Dan tiadalah Kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam.

(Al-Anbiya', 21:107)

Skop perbincangan bagi penulisan ini adalah berkenaan aspek penjagaan nasab atau keturunan yang merupakan salah satu daripada *al-Dharuriyat al-Khams* di dalam *Maqasid al-Syariah* serta menganalisis peruntukan mengenai kesalahan tatasusila dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri-Negeri dan peranan Pegawai Penguatkuasa Agama dalam menguatkuasakan kesalahan berkaitan tatasusila. Perbincangan ini merangkumi soal pemeliharaan nasab, peruntukan undang-undang yang berfungsi dalam memelihara nasab dan seterusnya akan tertumpu kepada peruntukan undang-undang sedia ada di mahkamah Syariah negeri-negeri yang berkaitan dengan aspek penjagaan keturunan (*hifz al-nasb*) secara khusus.

Islam sangat mementingkan institusi kekeluargaan yang merupakan satu keperluan asas kepada fitrah manusia. Islam telah menggariskan beberapa perkara bagi memelihara keturunan antaranya ialah melalui perkahwinan, tanggungjawab kekeluargaan serta batasan pergaulan bagi perhubungan berlainan jenis. Seterusnya, bagi mencegah berlakunya kerosakan terhadap keperluan asas ini, maka Islam juga telah melarang dan menetapkan hukuman yang keras bagi kesalahan seperti penzinaan, jenayah rogol dan sebagainya.

Nasab atau keturunan adalah wajib dipelihara demi menjaga sistem sosial dalam masyarakat Islam. Hal ini kerana apabila keturunan telah rosak akibat daripada menyalahi syariat dan tabiat semula jadi manusia, ia akan menyebabkan berlakunya kacau bilau pada struktur institusi kekeluargaan dan seterusnya menyebabkan keruntuhan sosial masyarakat Islam.

PENGERTIAN MAQASID AL-SYARIAH

Secara literalnya, perkataan *Maqasid al-Syariah* terdiri dari dua perkataan iaitu *maqasid* dan *syariah*. Perkataan *maqasid* (مقاصد) adalah merupakan *jama'* kepada perkataan *maqad* (مقصد) yang bererti pegangan, punca, sasaran, keadilan dan kesederhanaan (Ibnu Manzur, t.t) manakala, *Syariah* secara *lughawi* bermaksud jalan menuju sumber air yang mana ia dapat dikatakan sebagai jalan ke arah sumber kehidupan. Dari segi istilahnya, pengertian *Syariah* ialah hukum yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. untuk hamba-Nya sepertimana berpandukan kepada maksud al-Quran yang berikut:

Kemudian Kami jadikan kamu berada di atas satu syariat (peraturan dan undang-undang) daripada urusan (agama) itu, maka ikutilah syariat itu dan janganlah kamu ikuti hawa nafsu orang yang tidak mengetahui

(Al-Jathiyah, 45: 18)

Menurut Wahbah al-Zuhailly (1986), *Maqasid al-Syariah* didefinisikan sebagai nilai-nilai dan sasaran syarak yang tersirat dalam segenap atau bahagian terbesar dari hukum-hukumnya. Nilai-nilai dan sasaran-sasaran itu dipandang sebagai tujuan dan rahsia *Syariah*, yang ditetapkan oleh al-Syari' dalam setiap ketentuan hukum. Al-Qardhawi (1993) pula menjelaskan ia sebagai tujuan teks dan hukum-hukum untuk direalisasikan dalam hubungan manusia baik berupa perintah, larangan atau harus sama ada untuk individu, keluarga, bangsa dan umat. Maksud ini juga boleh diertikan sebagai hikmah-hikmah yang menjadi tujuan ditetapkan hukum yang disyariatkan oleh Allah S.W.T. untuk hamba-Nya.

Al-Syatibi (t.t) dalam kitabnya pula menyatakan bahawa: "*Sesungguhnya Syariah itu bertujuan untuk mewujudkan kemaslahatan manusia di dunia dan di akhirat*". Maka, adalah jelas tujuan bagi setiap pensyariatkan adalah menghasilkan masalah (kebaikan) kepada umat dan mencegah kemudaratan. Hal ini yang menjadikan

Maqasid al-Syariah antara elemen penting dalam Islam. Imam al-Ghazali (t.t) telah menggariskan lima objektif Syariah iaitu:

- i. Pemeliharaan agama (*hifz al-din*).
- ii. Pemeliharaan jiwa (*hifz al-nafs*).
- iii. Pemeliharaan akal (*hifz al-'aql*).
- iv. Pemeliharaan keturunan (*hifz al-nasb*).
- v. Pemeliharaan harta (*hifz al-mal*).

KONSEP HIFZ AL-NASB

Konsep menjaga nasab yang ditekankan dalam *Maqasid al-Syariah* ialah jaminan kelestarian populasi umat manusia agar tetap hidup dan berkembang sihat dan kukuh, baik pekerti serta agamanya. Hal itu dapat dilakukan melalui penataan kehidupan rumah tangga dengan memberikan pendidikan dan kasih sayang kepada anak-anak agar memiliki kehalusan budi pekerti dan tingkat kecerdasan yang memadai.

Islam menekankan aspek penjagaan keturunan kerana ia menjamin terpeliharanya nyawa dan tubuh badan. Bahkan, Rosli Mokhtar & Fikri Hussain (2007) menyifatkan pertautan antara hubungan persaudaraan yang disandarkan Islam kepada umatnya menjamin pembentukan keluarga, masyarakat seterusnya negara yang kuat dan bersatu padu.

Bermula dengan individu yang baik akan mencetuskan faedah yang berguna kepada masyarakat dengan sikap ingin membela kepada kaum yang lemah, sikap prihatin dan menghulurkan bantuan kepada sesama manusia, malah Islam juga menjamin kelangsungan zuriat manusia sehingga akhir zaman.

Islam telah meletakkan hukum hakam yang teliti dan rapi demi menjaga masalah keturunan manusia, antaranya menurut Ahmad Raisuni (1995);

- i. Islam menegakkan hukum hakam tentang perkahwinan bermula dengan pemilihan pasangan, akad, hubungan suami isteri dan anak-anak serta pendidikan mereka, hubungan kekeluargaan dan penceraian.
- ii. Islam juga mengharamkan perlakuan zina, bersekedudukan, liwat, rogol dan *fawahish* (perkara keji) seperti perbuatan lucah, celaan, mencabul kehormatan dan sebagainya. Bukan itu sahaja, bahkan Islam turut menyekat jalan-jalan ke arahnya seperti pengharaman mendedahkan aurat, khalwat, pergaulan bebas dan keperluan meminta izin apabila masuk ke rumah atau ruang peribadi seseorang.

Nasab keturunan merupakan sesuatu yang amat penting dalam Islam. Hal ini terbukti dalam sejarah Islam di mana ketika Rasulullah S.A.W. telah mengambil seorang anak angkat yang bernama Zaid bin Haritsah. Anak tersebut dinasabkan oleh orang-orang ketika itu kepada Nabi dan kemudian Allah menurunkan ayat Al-Quran surah al-Ahzab

ayat 4 hingga 5 yang menegur perbuatan menasabkan anak angkat tersebut kepada Nabi yang bermaksud:

Allah sekali-kali tidak menjadikan bagi seseorang dua buah hati dalam rongganya; dan Dia tidak menjadikan isteri-isterimu yang kamu zihar itu sebagai ibumu, dan Dia tidak menjadikan anak-anak angkatmu sebagai anak kandungmu (sendiri). Yang demikian itu hanyalah perkataan di mulutmu sahaja. Dan Allah mengatakan yang sebenarnya. Dan Dia menunjukkan jalan yang benar. Panggillah mereka (anak-anak angkat itu) dengan (memakai) nama bapak-bapak mereka, itulah yang lebih adil pada sisi Allah, dan jika kamu tidak mengetahui bapak-bapak mereka maka (panggillah) mereka sebagai saudara-saudaramu seagama dan maula-maulamu. Dan tidak ada dosa atasmu terhadap apa yang kamu khilaf kepadanya, tetapi (yang ada dosanya) apa yang disengaja oleh hatimu. Dan adalah Allah maha pengampun lagi maha penyayang.

(Al-Ahzab, 33: 4-5)

Ayat di atas menerangkan bahawa nasab adalah suatu nikmat kurniaan Allah dan nasab juga merupakan salah satu dari lima *Maqasid al-Syariah* (Syatibi, t.t). *Maqasid* merupakan matlamat yang ingin dicapai oleh syariat demi kepentingan umat manusia. Terdapat lima *Maqasid al-Syariah* yang berhubung dengan manusia (*dhururiyat al-khamsah*) iaitu yang pertama untuk memelihara agama, kedua memelihara nyawa, ketiga memelihara keturunan, keempat memelihara akal dan yang terakhir memelihara harta. Kelima-lima tersebut merupakan prinsip asas Islam. Memelihara nasab keturunan merupakan salah satu daripada prinsip asas tersebut dan hal ini membuktikan bahawa pentingnya untuk menjaga kesucian nasab keturunan di dalam Islam. Beberapa perkara telah digariskan dalam menjaga keturunan menurut *Maqasid al-Syariah*. Bagi memelihara keturunan, hukuman hudud akan dikenakan ke atas pezina dan orang yang menuduh zina atau qazaf. Hal ini kerana, persetubuhan yang dilakukan sebelum pernikahan akan membenihkan janin dan jika yang melakukan persetubuhan itu adalah perempuan yang telah berkahwin dengan lelaki yang bukan suaminya, maka dikhuatiri akan timbulnya kekeliruan nasab keturunan bayi tersebut dan ianya akan membawa kepada akibat yang buruk pada masa hadapan.

Tambahan lagi, nasab keturunan juga perlu dijaga demi menjaga maruah atau aib kepada keluarga mahupun anak itu sendiri. Hal ini kerana, anak yang tidak diketahui nasabnya atau yang dilahirkan di luar ikatan pernikahan seringkali sukar untuk diterima oleh masyarakat dan sering dipandang hina. Walaupun status mereka adalah anak luar nikah dan tidak diketahui nasabnya, namun ia bukanlah kesalahan mereka untuk dilahirkan sebegini.

ANALISIS KESALAHAN TATASUSILA DALAM ENAKMEN JENAYAH SYARIAH

Syariat Islam telah menggariskan perkara yang perlu di jauhi dan tidak boleh dilakukan oleh setiap individu demi menjaga nasab keturunan. Perbuatan yang dianggap sebagai satu kesalahan yang boleh merosakkan nasab telah diperuntukkan misalnya, di dalam Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Enakmen Jenayah Syariah (Perak) 1992, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Melaka) 1991, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995 & Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 1996. Tindakan yang diambil oleh badan perundangan dengan menggubal kesalahan-kesalahan tersebut adalah bertepatan dengan prinsip *Maqasid al-Syariah* dan tuntutan menjaga keturunan. Antara kesalahan tersebut ialah:

Persetubuhan Luar Nikah

Zina ialah istilah bahasa Arab yang bermaksud perhubungan seksual antara lelaki dan perempuan di luar ikatan perkahwinan yang sah. Istilah zina diguna pakai bagi hubungan seksual yang dilakukan oleh orang yang belum berkahwin dan juga mereka yang sudah berkahwin dan ianya hendaklah berlakunya *penetration* iaitu kemasukan zakar lelaki ke dalam faraj seorang perempuan jika ingin mensabitkan kesalahan zina. Di Malaysia, hukuman ke atas persetubuhan luar nikah ini boleh dikatakan semua negeri memperuntukkan hukuman maksimum bagi kesalahan-kesalahan jenayah di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah¹ iaitu denda tidak melebihi RM 5000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau tidak melebihi enam kali sebatan atau mana-mana kombinasi.² Hukuman yang dikenakan ini adalah umum dan tidak mengambil kira sama ada pesalah itu *muhsan* atau tidak.

Sa'id Ibrahim (1996) menyebut jika seseorang lelaki itu melakukan persetubuhan dengan seorang perempuan, dan lelaki terbabit menyangka bahawa perempuan yang digaulinya itu ialah isterinya, walhal perempuan itu bukan isterinya, atau lelaki itu tadi menyangka bahawa perkahwinannya dengan perempuan yang disetubuhnya itu sah mengikut hukum Syarak, sedangkan sebenarnya perkahwinan mereka itu tidak sah, maka dalam kes ini kedua-dua orang itu tidak boleh didakwa atas kesalahan zina dan tidak boleh dikenakan hudud kerana persetubuhan mereka itu adalah *wati'syubhah*, iaitu persetubuhan yang meragukan.

Menurut Rahimin Bani, 2017 kesalahan persetubuhan luar nikah merupakan antara kesalahan yang berat dan sering dilakukan oleh pesalah.

¹ Seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965

² Lihat Seksyen 23(1) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 & Seksyen 23(1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997.



Kesalahan zina ni memang kesalahan yang popular dekat Penang ni, lagi satu sebab kita banyak pendatang asing dari Indonesia yang kerja kilang dekat sini.

(Ketua Penguatkuasa Agama Negeri Melaka)

Pegawai penguatkuasa agama sememangnya menguatkuasakan peruntukan ini dalam mengekang berlakunya masalah gejala sosial. Memetik kenyataan yang diberikan oleh Ketua Penguatkuasa Agama, Jabatan Agama Islam Melaka, Tuan Rahimin (2017) beliau menegaskan kesalahan persetubuhan luar nikah ini semakin meningkat dari tahun ke tahun. Dalam sisi lain, terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa kesalahan persetubuhan luar nikah ini adalah ianya bergantung kepada hasrat dan roh penggubal undang-undang itu sendiri. Misalnya di Kelantan, terminologi 'zina' digunakan. Ini menggambarkan bahawa negeri Kelantan ingin mencapai maksud hudud, berbeza dengan negeri lain yang menggunakan terminologi persetubuhan luar nikah. Tuan Azman Ismail menegaskan:

Kita di Pulau Pinang lebih kepada takzir...di Kelantan zina...lebih kepada hudud. Itu mungkin roh dia...

(Ketua Penguatkuasa Agama Pulau Pinang)

Sumbang Mahram

Sumbang mahram merupakan suatu pelakuan seksual iaitu perzinaan yang berlaku antara lelaki dan perempuan yang dia mempercayai bahawa pasangannya itu mempunyai hubungan yang dilarang (*mahram*) untuk berkahwin dalam Islam. Menurut fuqaha, pengharaman ini bukan disebabkan nasab keturunan sahaja, tetapi boleh melalui persemendaan dan penyusuan (Atiyyah Saqar. 1980). Seperti mana beratnya kesalahan zina, maka penggubal undang-undang menetapkan kesalahan ini dihukum dengan hukuman maksimum bagi kesalahan-kesalahan jenayah di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah seperti mana kesalahan zina. Di Perak³ dan Negeri Sembilan, hukuman bagi kesalahan sumbang mahram ini yang dilakukan oleh pasangan yang dilarang berkahwin selama-lamanya adalah lebih berat (*muabbad*) berbanding dengan larangan sementara (*ghair muabbad*). Ingin ditegaskan di sini bahawa kesalahan sumbang mahram yang dimaksudkan dalam konteks Enakmen Jenayah Syariah di Malaysia ini, ialah ianya dilakukan dengan kerelaan kedua-dua pihak. Sekiranya tiada kerelaan, maka kesalahan tersebut dikategorikan di bawah kesalahan rogol.⁴

Kesalahan sumbang mahram adalah jarang dikuatkuasakan dan diambil tindakan oleh pegawai penguatkuasa agama. Hal ini kerana kesalahan ini juga terdapat di dalam Kanun Keseksaan. Oleh yang demikian, jia terdapat sebarang aduan, pegawai

³Seksyen 45 Enakmen Kesalahan Syariah (Perak) 1992

⁴ Lihat seksyen 375-376 Kanun Keseksaan.

penguatkuasa agama akan menyerahkan tersebut kepada pihak Polis Diraja Malaysia kerana hukuman yang dikenakan di bawah Kanun Keseksaan adalah lebih berat. Tambahan pula, terdapat beberapa isu perundangan dalam menguatkuasakan seksyen ini. Hal ini dijelaskan oleh Tuan Mohd Esyam (2017);

Seksyen ni kita tengok susah sikit untuk PPA kita kuatkuasakan sebab kes ni bertindan dengan Kanun Keseksaan.

(Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Ipoh)

Pelacuran

Menurut Nasimah Hussain(2007), pelacuran bermaksud seseorang yang menawarkan diri untuk melakukan seks haram dengan tujuan untuk mendapatkan bayaran daripada perkhidmatan tersebut. Pelacur dan orang yang melangganinya dianggap melakukan zina dan boleh dikenakan hukuman hudud menurut undang-undang Islam kerana melibatkan hubungan seksual luar nikah. Mereka yang terlibat secara tidak langsung juga boleh dikenakan hukuman takzir yang berat.

Di samping peruntukan mengenai kesalahan menjadi pelacur, enakmen negeri-negeri juga mempunyai peruntukan mengenai tanggungan jenayah suami melacurkan isteri dan ibu-bapa atau penjaga yang melacurkan anaknya atau kanak-kanak di bawah jagaannya. Kebanyakan negeri memperuntukkan hukuman yang maksimum bagi kesalahan-kesalahan jenayah di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah bagi kesalahan pelacuran ini kecuali Melaka yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM 3000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun.⁵

Bagi maksud untuk menguatkuasaan peruntukan kesalahan berkaitan pelacuran ini, ianya juga sukar untuk dilaksanakan. Hal ini kerana terdapat halangan untuk mendapatkan pembuktian yang kukuh dalam mensabitkan tertuduh ke mahkamah. Berdasarkan kenyataan Tuan Haji Ahmad Nizam (2017):

Elemen tawar-menawar itu hendaklah dibuktikan bagi menguatkan elemen pembuktian bagi kesalahan pelacuran ini.

(Ketua Penguatkuasa Agama Perak)

Salah satu kaedah yang boleh digunakan untuk membuktikan penawaran ini adalah dengan penyamaran. Namun kaedah ini mendapat tentangan sebahagian ulama'.

⁵ Seksyen 74 Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991

Persediaan Melakukan Persetubuhan Luar Nikah

Persediaan persetubuhan luar nikah atau juga dikenali sebagai mukadimah zina atau *taqarrub* zina. Semua perbuatan maksiat yang boleh membawa kepada melakukan zina dilarang dalam Islam dan boleh dihukum bergantung kepada tahap keseriusannya. Antara contoh perbuatan yang boleh dikategorikan sebagai kesalahan di bawahnya termasuklah lelaki dan perempuan tidur bersama di atas katil, bercumbucumbuan, berpelukan dan sebagainya. Kesalahan khalwat juga boleh dikategorikan di bawah kesalahan ini. Boleh dikatakan bahawa semua negeri di Malaysia memperuntukkan hukuman yang sama untuk kesalahan persediaan melakukan persetubuhan luar nikah ini iaitu denda tidak melebihi RM 3000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun.⁶ Negeri Kelantan pula menambah hukuman sebatan sebanyak tiga kali rotan.

Khalwat

Apabila seorang lelaki tidak mempunyai ikatan perkahwinan dengan seorang perempuan dan yang bukan mahram kepadanya berada bersendirian bersama-sama di suatu tempat yang tertutup yang tidak dibimbangi akan diganggu oleh orang lain dan yang memungkinkan peluang melakukan maksiat, maka mereka dianggap melakukan kesalahan khalwat. Kesalahan khalwat tidak semestinya berlaku antara seorang lelaki dengan seorang perempuan malah boleh berlaku juga di antara seorang lelaki dengan beberapa orang perempuan.⁷ Khalwat merupakan maksiat yang dikenakan hukuman takzir sebagai pengajaran kepada pesalah.

Khalwat di kebanyakan negeri dihukum dengan denda tidak melebihi RM 3000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya. Ada juga enakmen yang membezakan hukuman khalwat jika pesalah melakukan khalwat bersama seorang pasangan dan atau ramai pasangan.⁸ Selain itu sebagai tambahan, mahkamah boleh memerintahkan pesalah perempuan boleh dihantar ke pusat pemulihan untuk suatu tempoh yang ditetapkan.

Khalwat merupakan suatu kesalahan yang sering mendominasi carta-carta kesalahan jenayah syariah. Hal ini kerana pelakuan khalwat ini merupakan kesalahan yang mudah untuk dilaksanakan oleh pasangan-pasangan. Ekoran daripada itu, pegawai penguatkuasa agama sering berhadapan dengan tohmahan mengintai dan sebagainya. Kenyataan tersebut dibidas oleh Datuk Dr Mashitah Mahmood, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (ketika itu) yang menyatakan di dalam Enakmen Tatacara

⁶ Seksyen 11 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Perlis) 1991.

⁷ Lihat juga kes *Pendakwa Syarie Kelantan lwn Mat Rahim dan Nik Azimah* (1994) 9 JH 195

⁸ Seksyen 9 Enakmen Kanun Kesalahan Jenayah Syariah (Kelantan) 1985.

Jenayah Syariah Negeri-Negeri telah memperuntukkan kaedah yang khusus bagi penguatkuasa agama untuk memulakan tindakan seperti melalui aduan awam mahupun tangkapan oleh individu-individu yang diberikan kuasa menangkap (Utusan Malaysia, 2006).

Kesalahan khalwat sememangnya merupakan kesalahan yang sering menjadi kesalahan yang mempunyai statistik yang paling tinggi dan paling kerap dilakukan oleh pesalah (Masrizah Kadir, 2017). Oleh yang demikian, usaha penguatkuasaan yang dijalankan sememangnya dijalankan secara berterusan. Pegawai penguatkuasa agama sendiri sudah berkemahiran dan menjalankan siasatan sehinggalah kepada pendakwaan ke mahkamah.

Muncikari

Muncikari ialah orang tengah yang bertanggungjawab menjadi perantara bagi seorang lelaki dengan seorang perempuan untuk tujuan maksiat yang bertentangan dengan hukum syarak. Yang dimaksudkan dengan maksiat di sini ialah kegiatan pelacuran.⁹ Hukuman bagi kesalahan muncikari ini dalam kebanyakan negeri adalah menggunakan had hukuman yang sedia ada secara maksima iaitu denda tidak melebihi RM 5000 atau penjara tidak melebihi tempoh 3 tahun atau tidak melebihi 6 kali sebatan.

Kesalahan muncikari ini bukanlah suatu kesalahan yang popular dan sering dikuatkuasakan oleh Jabatan Agama Islam melalui Bahagian Penguatkuasaannya. Hal ini kerana seperti masalah beban pembuktian yang sukar serta kekurangan kemahiran dalam kalangan pegawai penguatkuasa agama itu sendiri. Menurut Tuan Ghazali bin Ahmad (2017) :

Rekod sehingga 2017, belum terdapat satu pun yang dihadapkan ke mahkamah bagi kesalahan muncikari.

(Ketua Pendakwa Syarie Negeri Sembilan)

Perbuatan Tidak Sopan

Perbuatan tidak sopan bermaksud perbuatan yang berlawanan dengan nilai akhlak dan moral dalam Islam. Kelakuan tidak sopan boleh berlaku dalam bentuk perbuatan seperti bercumbuan antara lelaki dan perempuan atau berpelukan antara satu sama lain. Kelakuan tidak sopan juga boleh berlaku dalam bentuk perkataan seperti mengeluarkan kata-kata lucah. Interpretasi bagi perbuatan tidak sopan menurut akta atau enakmen kesalahan jenayah Syariah adalah sangat luas. Menurut undang-undang Islam, asas dalam menentukan sesuatu perbuatan itu sebagai kesalahan berkaitan rapat dengan akhlak. Menarik untuk disebutkan di sini bahawa konsep akhlak menurut Islam amatlah luas (Mustafa Bugho, 1977).

⁹ Lihat seksyen 2 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan)

Perbuatan tidak sopan yang dimaksudkan dalam akta atau enakmen berbeza dengan kesalahan khalwat kerana dilakukan di tempat awam manakala khalwat dilakukan di tempat yang tersembunyi. Perbuatan tidak sopan tidak semestinya melibatkan kedua-dua gender lelaki dan perempuan, malah mungkin dilakukan oleh seorang lelaki atau perempuan sahaja seperti mendedahkan tubuh di tempat awam. Hukuman bagi kesalahan ini pula boleh dikatakan sama iaitu denda tidak melebihi RM 1000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan.

Di Selangor, Arahan Tetap Pengarah JAIS 2002 (Pindaan 2004) yang khusus berkenaan dengan kaedah menangani maklumat dan aduan daripada orang awam telah diwujudkan. Selain itu, JAIS juga mengeluarkan Arahan Tetap Pengarah JAIS 2003 bagi melaksanakan tindakan pencegahan seksyen 31 Enakmen Jenayah Syariah Selangor (No.9. Tahun 1995) iaitu kaedah- kaedah bagi menangani dan mengendalikan kesalahan/perlakuan tidak sopan di tempat awam. Arahan ini berkuatkuasa mulai 11hb Ogos 2003 (Siti Zubaidah, 2008).

Kewujudan beberapa arahan tetap ini telah membuktikan kesungguhan pihak berwajib di peringkat penggubal dasar dalam menangani masalah sosial. Maka ia perlu dilaksanakan secara telus dan bersungguh-sungguh di peringkat penguatkuasaan dan pelaksanaan tanpa sebarang pengecualian atau campurtangan mana-mana pihak luar yang boleh menggagalkan objektif perundangan.

Pegawai penguatkuasa agama seringkali berhadapan dengan tafsiran perbuatan tidak sopan itu sendiri. Oleh kerana tiada satu pun tafsiran perundangan yang dibuat bagi menjelaskan maksud perbuatan tidak sopan itu, ianya menjadi kekeliruan terhadap pegawai penguatkuasa agama itu sendiri dan orang ramai. Tuan Rahimin (2017) menjelaskan, perlulah adanya tafsiran yang khusus terhadap kesalahan ini agar ianya lebih memudahkan dalam usaha ke arah pencegahan.

PERANAN PEGAWAI PENGUATKUASA AGAMA DALAM MENGUATKUASAAN PERUNTUKAN BERKAITAN KESALAHAN TATASUSILA

Tugas menguatkuasakan undang-undang jenayah Syariah terletak di bahu Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri. Bahagian ini diketuai oleh seorang Ketua Penguatkuasa Agama dan dibantu oleh sejumlah pegawai Penguatkuasa Agama. Bagi maksud penguatkuasaan undang-undang mengenai kesalahan jenayah Syariah pula, adalah melibatkan kesalahan yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang Islam yang sedang berkuatkuasa. Ini termasuklah peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah dan seterusnya mengambil tindakan bagi mana-mana individu yang melakukan kesalahan (Siti Zubaidah, 2008).

Bermulanya operasi serbuan dan tangkapan kes kesalahan tatasusila itu adalah dengan adanya aduan yang diterima dari seseorang oleh Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Negeri. Ini berlaku dalam kebanyakan kes. Aduan juga boleh

dari intipan oleh orang-orang yang dilantik oleh pihak penguatkuasa (Siti Zubaidah Ismail, 2016). Sebelum sebarang tindakan untuk operasi serbuan dan tangkapan kesalahan tatasusila, mesti ada aduan yang dibuat oleh mana-mana pihak, baik orang perseorangan, kumpulan dan sebagainya. Kecuali masa-masa di malam sambutan tahunan Malaysia seperti sambutan merdeka, malam tahun baru, pihak penguatkuasaan akan melakukan operasi berdasarkan aduan awam. Bahagian penguatkuasaan dan operasi kurang membuat tangkapan dan operasi kes percubaan persetubuhan haram tanpa aduan untuk mengelakkan perspektif umum yang selalu menganggap bahagian penguatkuasaan dan operasi suka 'skodeng orang', suka jaga hal dalam kain orang, suka malukan orang. Oleh itu, bahagian penguatkuasaan dan operasi banyak menumpukan pada kesalahan-kesalahan jenayah Syariah yang lain iaitu minum arak, berjudi dan kes-kes jenayah yang lain.

Aduan ertinya pengataan yang dibuat secara lisan atau bertulis kepada Hakim bahawa seseorang sama ada diketahui atau tidak diketahui telah melakukan atau bersalah atas suatu kesalahan, dengan tujuan supaya tindakan diambil oleh hakim.¹⁰ Walaupun disebut aduan perlu diberikan kepada hakim, kebiasaannya orang ramai akan terus memaklumkan sama ada kepada Pejabat Agama Islam Negeri-negeri atau bahagian penguatkuasa dan operasi. Ini kerana akhirnya aduan tersebut akan dipanjangkan ke bahagian penguatkuasa dan operasi walaupun aduan dibuat kepada hakim. Aduan yang diterima oleh pihak penguatkuasa boleh dibuat melalui telefon dari orang ramai atau pengadu sendiri datang ke pejabat penguatkuasa. Sebarang aduan akan dicatatkan di dalam borang aduan iaitu Borang 5 di mana di dalam borang ini akan dinyatakan, nama, nombor kad pengenalan dan alamat pengadu serta butir-butir aduan seperti jenis aduan, alamat tempat berlakunya kesalahan, masa yang sesuai untuk membuat operasi berdasarkan waktu-waktu orang yang disyaki berada di tempat yang dikatakan dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan pengaduan itu. Borang ini akan ditandatangani oleh pengadu sendiri.

Setelah aduan diterima atau setelah intipan dibuat, operasi membuat serbuan dan menangkap akan diketuai oleh Ketua Penguatkuasa dan Operasi atau orang yang dilantik oleh Ketua Operasi yang mana orang yang dilantik itu tidak kurang dari kategori 27 dalam susun atur jawatannya. Setiap orang yang berada di dalam Bahagian Penguatkuasaan dan Operasi Jabatan Agama Islam Negeri diberi kuasa menangkap. Bilangan orang yang melakukan tangkapan tidak kurang daripada empat orang, tidak termasuk pemandu. Jumlah orang ini juga adalah mengikut jenis kes dan setiap kumpulan yang beroperasi mesti disertai dua orang perempuan.

Dalam membuat sesuatu penangkapan, pegawai penguatkuasa, pegawai polis atau orang lain yang membuat penangkapan itu hendaklah menyentuh atau mengurung tubuh orang yang hendak ditangkap itu, melainkan jika orang itu menyerah diri sama ada dengan perkataan atau melalui perbuatan. Jika orang itu menggunakan kekerasan dan menentang usaha menangkapnya atau cuba mengelakkan penangkapan itu, pegawai atau orang lain itu bolehlah menggunakan segala langkah

¹⁰ Seksyen 2 Tafsiran Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Kelantan 2002.

yang perlu untuk melaksanakan penangkapan itu dan tiada apa-apa jua dalam seksyen ini memberikan hak untuk menyebabkan kematian mana-mana orang.¹¹

Setelah tangkapan dibuat, seorang pegawai penguatkuasa tidak boleh menahan orang yang ditangkap lebih dari 24 jam tanpa kebenaran mahkamah tetapi tempoh 24 jam itu tidak termasuk masa yang perlu bagi perjalanan dari tempat penangkapan ke mahkamah itu (Roslan & Zamani, 1998). Orang yang ditangkap itu perlu dibawa ke mahkamah untuk didengar pertuduhan atau ditangguhkan kesnya.¹² Sebelum dibebaskan, hakim akan mengenakan jaminan terhadap orang yang ditangkap.

Siasatan ke atas orang yang ditangkap bagi kes percubaan persetubuhan haram disiasat oleh ketua bahagian siasatan dari bahagian penguatkuasa Jabatan Agama Islam Negeri atau orang yang dilantik olehnya untuk melakukan siasatan. Penulis difahamkan cara, bila dan waktu siasatan dan pengambilan keterangan dari orang yang ditangkap ditentukan oleh pihak siasatan. Ianya boleh dilakukan sebaik selepas penangkapan atau pun pada satu tarikh lain yang ditetapkan oleh pegawai siasatan. Bila siasatan dilakukan, kertas siasatan akan dibuka dan bahagian penyiasatan akan mengambil keterangan tanpa amaran orang yang ditangkap dan juga keterangan dari saksi-saksi (orang-orang dari penguatkuasa yang melakukan tangkapan tersebut). Salina & Jasri (2012) menyatakan keterangan atau pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada seorang pegawai penguatkuasa agama dalam perjalanan sesuatu penyiasatan tidak boleh digunakan sebagai keterangan kecuali dalam keadaan tertentu yang dibenarkan oleh mahkamah.

KESIMPULAN

Bersandarkan kepada *Maqasid al-Syariah*, didapati Islam sangat menjaga nasab atau keturunan umat Islam. Maka amat wajar undang-undang di negara ini digubal selari dengan *Maqasid al-Syariah* agar penjagaan nasab atau keturunan dapat dicapai. Makalah ini juga mendapati, dalam mencapai objektif Syariah ini, peranan pegawai penguatkuasa agama juga harus selari dengan *Maqasid al-Syariah* agar objektif Syariah dapat dipenuhi. Ini kerana kaedah pelaksanaan dan penguatkuasaan yang cekap dan selari dengan Syariah perlu juga diwujudkan di samping menggubal undang-undang terhadap perbuatan yang bertentangan dengan objektif menjaga nasab atau keturunan.

RUJUKAN

Al-Ghazali *Al-Mustasfa Fi Usul Al-Fiqh*, Jil.1, (t.t)

Al-Syatibi, *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah*, Kaherah, Jil. 1, (t.t).

Al-Syatibi, Abu Ishaq Ibrahim Musa al-Gharnati al-Maliki. 1991. *al-Muwafaqat fi Usul al Syari'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

¹¹ Seksyen 10 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004.

¹² Seksyen 22 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004.



- Al-Qardhawi, Yusuf. 1993. *Madkhal Li Dirasat al-Syariah al-Islamiyyah*, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Zuhayli, Wahbah. 1986. *Usul al-Fiqh al-Islami*, Damsyik: Dar al-Fikr.
- Atiyyah Saqar. 1980. *Al-Usrah tahta Ri'ayat al-Islam*. Kuwait: Muassasah al-Sabah.
- Bugho, Mustafa Dib. 1977. *Nizam al-Islam fi Aqidah wa al-Akhlak wa al-Tasyrik*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Muhammad Ibn Manzur. *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar al-Sadr, jld. 3, (t.t).
- Nasimah Hussain. 2007. Kesalahan Berkaitan Tatasusila Dan Moral Dalam Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah Malaysia: Satu Analisis. Dalam Undang-Undang Islam: Jenayah, Keterangan Dan Prosedur. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Roslan Mat Nor & Zamani Sulaiman. 1998. *Pentadbiran Keadilan Jenayah Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Rosli Mokhtar & Mohd Fikri Che Hussain. 2007. *Maqasid al-Syariah: Hikmah Di Sebalik Pensyariatan*. Shah Alam: Karya Bestari.
- Raisuni, Ahmad. 1995. *Nazariyyah al-Maqasid inda Imam al-Shatibi*. Virginia: The International Institute of Islamic Thought.
- Sa'id Ibrahim. 1996. *Qanun Jinayah Syariah Dan Sistem Kehakiman Dalam Perundangan Islam Berdasarkan Quran Dan Hadith*. Kuala Lumpur: Darul Makrifah.
- Salina Mohd Sari & Jasri Jamal. 2012. Penguatkuasaan, Pendakwaan Dan Perbicaraan Kes Percubaan Persetubuhan Haram: Satu Kajian Di Bahagian Penguatkuasa Dan Bahagian Pendakwaan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri-negeri. 2 ShLR lxi
- Siti Zubaidah Ismail, 2008. *Dasar Penguatkuasaan Dan Pendakwaan Jenayah Syariah Di Malaysia: Satu Analisis*. Jurnal Syariah, Jil. 16, Keluaran Khas.
- Siti Zubaidah Ismail. 2016. *Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

STATUT

- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.
- Enakmen Kanun Kesalahan Jenayah Syariah (Kelantan) 1985.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Perlis) 1991.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 1996.



Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995.
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Melaka) 1991
Seksyen 45 Enakmen Kesalahan Syariah (Perak) 1992.
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997.
Kanun Keseksaan.

KES

Pendakwa Syarie Kelantan Iwn Mat Rahim dan Nik Azimah (1994) 9 JH 195.
Sukma Darmawan Saasmitat Madja Iwn Ketua Pengarah Penjara Malaysia (1999) 2 MLJ 241.

KERATAN AKHBAR

Utusan Malaysia, 23 Disember 2006: Tidak Benar Penguatkuasaan Khalwat Hanya Melalui intipan.

TEMUBUAL

Temubual bersama Tuan Rahimin Bin Bani, Ketua Penguatkuasa Agama, Jabatan Agama Islam Melaka bertempat di Jabatan Agama Islam Melaka pada 29 Mei 2017.

Temubual bersama Puan Masrizah Bt Kadir, Pendakwa Syarie Kelantan bertempat di Kompleks Islam Lundang pada 16 Mei 2017.

Temubual bersama Tuan Haji Ahmad Nizam Bin Amiruddin, Ketua Penguatkuasa Agama, Jabatan Agama Islam Perak bertempat di Kompleks Islam Darul Ridzuan, pada 18 Mei 2017.

Temubual bersama Yang Arif Tuan Mohd Esyam Bin Abdul Samad, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Perak bertempat di Jabatan Kehakiman Syariah Perak pada 18 Mei 2017.

Temu bual bersama Tuan Ghazali Bin Ahmad, Ketua Pendakwa Syarie Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan bertempat di Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan bertempat di Bahagian Pendakwaan pada 1 Jun 2017.

Temubual bersama Tuan Azman Ismail, Ketua Penguatkuasa Agama, Jabatan Agama Islam Pulau Pinang bertempat di Jabatan Agama Islam Pulau Pinang pada 23 Mei 2017.